

LARANGAN MEROKOK DI PREMIS MAKANAN

Ada individu masih tidak peka arahan

➔ Pengusaha restoran sokong inisiatif, premis lebih bersih

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof, Luqman Arif Abdul Karim, Amir Mamat, Noorazura Abdul Rahman dan Ruwaida Md Zain
cnews@nstp.com.my

➔ Kuala Lumpur

Larangan merokok di premis makanan yang bermula semalam, mengundang pelbagai reaksi masyarakat di seluruh negara.

Di Alor Setar, ada pelanggan dikesan tidak mengendahkan larangan merokok dan terus berbuat demikian di meja luar premis.

Walaupun wanita dan kanak-

kanak dilihat berdekatan, pelanggan merokok seakan tidak peduli dengan kehadiran mereka.

Norhaninah Kissmi, 20, menyambut baik larangan itu dalam melindungi golongan tidak merokok, termasuk kanak-kanak.

“Bagaimanapun saya lihat ada lagi yang merokok di meja luar tepi premis dan jarak mereka tak sampai tiga meter seperti ditetapkan.

“Saya masih boleh hidu asap rokok apabila ada angin, sepatutnya perokok pergilah jauh sikit dari meja makan.

Restoran lebih bersih

“Memang ada yang menafikan ia bukan jenayah, tapi pada jangka panjang, ia menjadi pembunuh senyap,” katanya.

Pemilik restoran, Mohameed Farooq Nistar Khan, 32, mengarahkan pekerja menyimpan semua bekas abu rokok di setiap meja malam kelmarin.

“Sebelum ini memang kita letak bekas abu rokok atas meja, tapi ia tidak membantu apabila ada se-



Pengunjung menikmati juadah dengan lebih selesa dan bebas daripada gangguan asap rokok di Restoran M.Salim, Jalan Yang Kalsom, Ipoh, semalam.

gelintir pelanggan membuang abu rokok di lantai premis.

“Sekarang keadaan dalam restoran lebih bersih dan saya berani menasihatkan pelanggan supaya merokok di luar dan tidak dibantah kerana mereka tahu mengenai denda yang dikenakan termasuk kepada pemilik premis makanan,” katanya.

Di Johor Bahru, ruangan medan selera Plaza Larkin, di sini mendapat pujian Kementerian Kesihatan (KKM) apabila tiada individu merokok dilaporkan dalam kawasan itu.

Kenyataan dimuat naik laman akaun twitter Public Health Malaysia, memberitahu tinjauan pertama di lokasi itu mendapati tiada individu merokok dalam kawasan berkenaan.

“Review (tinjauan) pertama admin. Hebat! Tiada orang merokok langsung! First time (pertama kali) dalam sejarah tiada orang merokok langsung. Pelanggan ramai, penjual gembira, cleaner (tukang bersih) seronok tidak lagi mem-

bersihkan abu dan puntung rokok. Lokasi: Plaza Larkin, Johor Bahru,” katanya, semalam.

Kenyataan itu dikongsi KKM menerusi akaun rasmi KKM Putrajaya dengan kata-kata ‘Tahniah Bangsa Johor’ yang turut memaut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Tunku Ismail berkongsi kenyataan itu di laman Twitter rasminya dengan menunjukkan isyarat menepuk tangan dan tanda baik.

Tak halang tarik pelancong

Di Melaka, larangan merokok di restoran dan kedai makan tidak sepatutnya menghalang usaha menarik kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Melaka 2019 (#visitmelaka2019).

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata larangan berkenaan tidak wajar dijadikan isu, sebaliknya fokus ialah kepada penyediaan produk pelancongan berkualiti sepanjang #visitmelaka2019.

“Larangan itu bukan penghalang pelancong mendapatkan perkhidmatan dan produk berkualiti sempena #visitmelaka2019 dan saya mahu semua pihak mematuhi arahan pihak berkuasa bagi memastikan usaha Melaka sebagai negeri hijau, pintar dan bersih direalisasikan,” katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri majlis sambutan kedatangan pelancong ke Melaka sempena #visitmelaka2019 di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM), Batu Berendam, di sini, semalam.

Yang turut hadir, EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) negeri, Zairi Suboh.

Adly turut meluangkan masa meninjau di beberapa pintu masuk ke negeri ini, termasuk di Plaza Tol Ayer Keroh serta Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Melaka di Bandar Hilir.

Netizen sokong perluas kawasan bebas asap rokok

Kuala Lumpur: Kira-kira 80 peratus daripada lebih 25,000 netizen bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan mahu memperluaskan pewartaan kawasan larangan merokok memabitkan premis dobi layan diri dan hotel dalam tempoh terdekat.

Ia berdasarkan kaji selidik dalam talian menerusi Facebook dan Twitter kendalian tiga akhbar keluaran The New Straits Times Press Berhad (NSTP) antara jam 1 tengah hari hingga jam 6 petang, semalam.

Undian selama lima jam itu menarik 22,898 netizen menerusi akaun Facebook *Berita Harian* (BH), *Harian Metro* (HM) dan *New Straits Times* (NST), dengan 80 peratus atau 18,235 menyokong cadangan memperluaskan kawasan larangan merokok.

Selain itu, undian sama me-

nerusi Twitter BH, HM dan NST disertai 3,019 netizen, dengan 85 peratus atau 2,572 bersetuju supaya dobi dan hotel diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

Sokong cadangan

Kaji selidik itu dibuat susulan kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, memaklumkan kementerian itu akan memperluaskan pewartaan kawasan larangan merokok di negara ini, yang ketika ini hanya memabitkan kepada sembilan jenis premis di tempat awam.

Ia susulan pewartaan tempat makan sebagai kawasan larangan merokok bermula semalam, dengan individu hanya dibenarkan merokok dalam jarak tiga meter dari tempat makan.

Selain membuat undian sama ada bersetuju atau tidak dengan



Kepada perokok tegar, jadikan ini motivasi dan azam tahun baharu 2019 untuk berhenti merokok. Semoga berjaya”

Nabawi Sabri
Pengguna Facebook

cadangan itu, netizen turut meninggalkan pelbagai pandangan dalam ruangan komen.

Netizen yang menggunakan nama Nor Azlina berkata, perokok sewajarnya hanya merokok di rumah sendiri dan tidak sepatutnya berkeras untuk merokok di kawasan larangan, memandangkan asap rokok memberi kesan kepada mereka yang menghidunya.

Komen positif ditinggalkan Nabawi Sabri yang mahu perokok menjadikan pewartaan kawasan larangan merokok sebagai motivasi untuk berhenti daripada tabiat buruk itu.

Berhenti merokok

“Kepada perokok tegar, jadikan ini motivasi dan azam tahun baharu 2019 untuk berhenti merokok. Semoga berjaya,” katanya.

Sementara itu, Ruzaiman Wakaf

Bharu mencadangkan kerajaan mengharamkan terus rokok di negara ini, manakala Arif Akashah mengingatkan perokok beragama Islam bahawa amalan itu difatwakan sebagai haram.

Hasanul Isyraf Abdul Aziz menyarankan Kementerian Kesihatan menularkan wajah perokok yang berdegil dan masih melakukan perbuatan itu di kawalan larangan.

“Tular dan lapor wajah perokok melalui sistem SMS, WhatsApp atau Telegram,” katanya.

Nora Zura mencadangkan Kementerian Kesihatanewartakan pasar awam sebagai kawasan larangan merokok.

“Kalau boleh (wartakan) pasar ikan/awam sekali sebab pasar kawasan terkepung. Ada antara pelanggan dan penjual yang merokok dalam kawasan pasar awam,” katanya.